



**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

كردان نكرت قك بذا الامتبان

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010  
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910  
04-774 4643/ 04-733 8717  
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj. Kami : ( 11 ) dlm PKw.N(K) 1521 Jld 3  
Tarikh : 28 November 2019  
01 Rabiul Akhir 1441 H

**SEMUA KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato' /Tuan/Puan

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 8 / 2019**  
**PERATURAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

**2. LATAR BELAKANG**

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM750.00 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

**3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN**

3.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini akan diberi kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman yang sedang berkhidmat pada 23 Disember 2019 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019.

3.2 Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019.



3.3 Bagi pegawai negeri yang bertukar keluar ke Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 hendaklah dbayar oleh agensi yang menerima pegawai. Manakala bagi pegawai yang bertukar dari Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke Jabatan Negeri, bayaran akan dibuat oleh Jabatan Negeri yang berkenaan.

#### **4. TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM750.00 ini akan dibayar pada 23 Disember 2019.

#### **5. PEGAWAI YANG LAYAK DIBAYAR**

Tertakluk kepada perenggan 3 diatas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

- 5.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak ;
- 5.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh ;
- 5.3 pegawai yang bercuti separuh gaji ;
- 5.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 5.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

#### **6. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR**

Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah :

- 6.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019 ;
- 6.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019; dan
- 6.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019 .

**7. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

**8. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM 750.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 23 Disember 2019 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019.

**9. PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 23 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM 750.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 23 Disember 2019. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensyen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensyen sebanyak RM 250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM 500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

**10. PERATURAN PERLAKSANAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**

10.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di bawah dimana gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-

- i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
- ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerimanya seperti yang tersebut di dalam Perkeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2019.

- iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
- a) Bersara
  - b) Meninggal dunia
  - c) Tindakan tatatertib
  - d) Letak Jawatan
  - e) Cuti Tanpa Gaji

**Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri ; dan**

- iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

**“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan ) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”**

**(Tandatangan & Cop Jabatan)**

- v. Laporan yang telah di sahkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman tidak lewat hari **Khamis 12 Disember 2019 jam 01.00 tengahari. Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dibayar lewat.**
- vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bayaran Khas Kewangan Tahun 2019 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

#### 10.1.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

#### 10.1.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2019 sahaja.

10.1.4 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN (PAYROLL)	PERIHAL
17102		Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019
29306		Bantuan Khas Tahun 2019 Pekerja sementara / sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.

#### 11. TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

#### 12. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian , terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**‘KEDAH AMAN MAKMUR, BERSAMA HARAPAN MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,



**( NAZHATUN BINTI MD REJAB, AMK., C.A.(M))**

Bendahari Negeri  
Perbendaharaan Negeri  
Kedah Darul Aman

s.k. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman  
YB. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman  
Pengarah Audit Negara, Negeri Kedah Darul Aman